



# *Bingkisan*

**YBHG. DATO' AZULITA BINTI SALIM**

**Ketua Pengarah  
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

**TAHUN 2022**



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur kepada Allah SWT dengan limpah dan kurniaanNya, dapat kita bersama di tahun baharu 2022 ini. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada semua Pengerusi dan Ahli Lembaga, pemimpin peladang serta semua warga kerja Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang diseluruh Malaysia.

Tahun 2021 telah kita tinggalkan dengan penuh kenangan berikutan cabaran dan ujian yang dilalui kesan dari pandemik Covid-19 ditambah dengan bencana banjir yang berlaku di penghujung tahun. Peladang-peladang dan Pertubuhan Peladang (PP) adalah di antara golongan yang turut mengalami kesan dari bencana ini. LPP perlu meneruskan agenda dan usaha 'Memperkasakan Peladang - peladang dan Pertubuhan Peladang'. Peladang dan Pertubuhan Peladang perlu pantas menyesuaikan cabaran yang dihadapi dan bangkit semula dalam tempoh pemulihan ini.

Kerajaan telah merangka Pembangunan Negara melalui Rancangan Malaysia Ke 12 bagi tahun 2021 sehingga 2025. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pula telah menggariskan Hala Tuju Industri Agromakanan menerusi Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dari Tahun 2021 sehingga 2030. Selari dengan dasar-dasar utama ini, Lembaga Pertubuhan Peladang telah menyusun rangka kerja bagi tempoh 5 Tahun merangkumi Tahun 2021 sehingga 2025 menerusi Pelan Korporat LPP yang ke -7.

Di tahun baharu 2022, LPP mensasarkan 3 perkara utama iaitu Pertama, Memantapkan Perundangan Pertubuhan Peladang selari dengan agenda memperkasakan dan memperkukuhkan tadbir urus Pertubuhan Peladang, Kedua - Mengukuhkan penglibatan Pertubuhan Peladag dalam rantai nilai bagi komoditi terpilih agromakanan disamping membangun Produk keluaran usahawan dan PP melalui platform digitalisasi dan Ketiga – Mengutamakan kompetensi semua warga Lembaga Pertubuhan Peladang bagi menerapkan nilai-nilai kepimpinan yang, '*creative*', '*multi- tasking*' dan '*multi- talented*', '*adaptable*', '*agile*', '*accellarating digitalization*' dan yang paling penting mampu memberi



perkhidmatan yang professional dan berintegriti kepada golongan sasar. Modal insan adalah penyumbang utama dalam memastikan keseluruhan perancangan dapat diimplementasikan dengan sempurna.

Kepada semua warga Lembaga Pertubuhan Peladang, adalah menjadi harapan saya agar kita bersama-sama bersatu hati memberi sepenuh tenaga dan komitmen untuk merealisasikan misi dan visi dalam mentransformasikan peladang dan Pertubuhan Peladang agar menjadi satu pergerakan yang mampan.

Kepada semua pemimpin peladang dan ahli Peladang, saya berharap kerjasama dan sokongan padu dapat diberikan bagi memajukan Pertubuhan Peladang agar terus cemerlang sebagai pemberi perkhidmatan kepada peladang dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan semua peladang di seluruh Malaysia.

Inilah masa yang bertepatan untuk kita berubah kepada yang lebih baik!

Dikesempatan ini, saya mengucapkan sekalung penghargaan kepada Pengerusi dan semua Ahli Lembaga LPP di atas sokongan yang diberikan kepada pihak pengurusan dalam memenuhi sasaran Lembaga Pertubuhan Peladang dalam menjayakan agenda sepertimana dirancang. Kepada semua warga Lembaga Pertubuhan Peladang, ribuan terima kasih diucapkan diatas kerja kuat dan komitmen yang telah diberikan bagi memenuhi ke semua sasaran Tahun 2021 dengan sempurna.

Marilah kita hadapi tahun 2022 ini dengan penuh kesungguhan, komitmen dan kesediaan yang padu agar tahun 2022 menjadi tahun yang cemerlang buat Lembaga Pertubuhan Peladang. Moga Kita semua mendapat rahmah dari Allah SWT.

***HAVE A PRODUCTIVE YEAR EVERYONE!***

Salam Hormat.  
AZULITA SALIM  
KETUA PENGARAH  
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG